

TERMA DAN SYARAT
myPTPTN, PAY 2WIN!

KEMPEN

1. **Kempen myPTPTN, Pay 2Win!** merupakan kempen kerjasama antara PTPTN bersama Payments Network Malaysia Sdn Bhd (PayNet).
2. Kempen ini bertujuan untuk meningkatkan bilangan **pengguna baharu myPTPTN**, sekaligus dapat mendidik orang ramai mengenai kelebihan bayaran tanpa tunai. Melalui kempen ini juga, penggunaan transaksi tanpa tunai akan tersebar luas dan dapat meningkatkan bayaran tanpa tunai melalui platform **myPTPTN**.

TEMPOH KEMPEN

3. Tempoh kempen bermula **1 Jun 2023 sehingga 30 November 2023**.
4. PTPTN mempunyai hak mutlak untuk menukar atau meminda tempoh kempen ini dengan memberikan notis yang secukupnya dalam tempoh tidak kurang daripada empat belas (14) hari sebelum tarikh pertukaran atau pindaan tersebut melalui pemberitahuan dalam laman web rasmi PTPTN, media elektronik atau paparan notis di cawangan-cawangan PTPTN.

KELAYAKAN UMUM

5. Terbuka kepada pelanggan PTPTN yang merupakan **pengguna berdaftar aplikasi myPTPTN** di dalam tempoh kempen.
6. Kempen ini **TIDAK LAYAK** disertai oleh:
 - a. Kakitangan PTPTN (merangkumi pasangan dan anak-anak); dan
 - b. Kakitangan Payments Networks Malaysia Sdn. Bhd (merangkumi pasangan dan anak-anak).

KELAYAKAN BILANGAN CABUTAN

7. Syarat penyertaan dan kelayakan cabutan adalah seperti berikut:-

Bil.	Perkara	Pengguna Baharu	Pengguna Sedia Ada
i.	Syarat Penyertaan	Terbuka kepada pelanggan PTPTN yang memuat turun dan membuat pengesahan identiti di aplikasi myPTPTN semasa tempoh kempen.	Terbuka kepada pengguna myPTPTN sedia ada yang membuat bayaran balik pinjaman pendidikan PTPTN dan/atau membuat penambahan simpanan Simpan SSPN melalui myPTPTN semasa tempoh kempen.
ii.	Kelayakan Cabutan	<p>a) Lima puluh (50) kelayakan cabutan bagi pelanggan baharu PTPTN yang berjaya memuat turun dan membuat pengesahan identiti di aplikasi myPTPTN semasa tempoh kempen.</p> <p>b) Lima (5) kelayakan* cabutan setiap bulan bagi transaksi yang berjaya melalui myPTPTN (tidak tertakluk kepada bilangan transaksi dan jumlah RM)</p> <p><i>*Pelanggan hanya mendapat kelayakan cabutan sekali sahaja setiap bulan dalam tempoh kempen.</i></p>	<p>Lima (5) kelayakan* cabutan setiap bulan bagi transaksi yang berjaya melalui myPTPTN (tidak tertakluk kepada bilangan transaksi dan jumlah RM)</p> <p><i>*Pelanggan hanya mendapat kelayakan cabutan sekali sahaja setiap bulan dalam tempoh kempen.</i></p>

HADIAH KEMPEN DAN TUNTUTAN HADIAH

8. Pemenang kempen akan memenangi hadiah berikut:

Pemenang	Hadiah	Bilangan Pemenang
Utama	Motorsikal Honda Vario 160	1 Pemenang
Kedua	Tablet iPad Pro 12.9" 256GB	2 Pemenang
Ketiga	Telefon Pintar <i>Samsung Galaxy Z Flip 4</i> 256GB	3 Pemenang
Saguhati	Jam Pintar <i>Apple Watch Series 8</i>	4 Pemenang

9. Pemenang akan dimaklumkan melalui surat/ e-mel/ panggilan telefon atau kaedah penyampaian lain yang bersesuaian. Nama-nama pemenang juga akan dipaparkan di laman portal rasmi PTPTN: www.ptptn.gov.my.
10. Hadiah yang dimenangi tidak boleh ditukar atau dipindah milik sama ada sebahagian atau keseluruhannya kepada bentuk lain selain yang ditetapkan oleh PTPTN.
11. PTPTN akan melantik syarikat pembekal bagi urusan pembekalan dan penghantaran hadiah yang berbentuk kenderaan kepada pemenang. Kaedah pembekalan dan penghantaran akan ditentukan berdasarkan budi bicara mutlak PTPTN dari semasa ke semasa.
12. Pemenang bersetuju dan memberi kebenaran kepada PTPTN untuk berkongsi maklumat mereka kepada syarikat pembekal bagi tujuan pembekalan dan penghantaran hadiah dalam bentuk kenderaan.
13. PTPTN tidak memberi sebarang representasi atau jaminan berkenaan dengan kualiti dan/ atau kesesuaian hadiah dan tidak akan bertanggungjawab untuk menggantikan sebarang hadiah yang hilang, dicuri atau cacat disebabkan kecacatan bahan atau buatan oleh syarikat pengeluaran di bawah tempoh jaminan atau sebaliknya. Pemenang perlu berurusan terus dengan pihak pembekal bagi maklumat jaminan atau tuntutan (sekiranya ada) tanpa membabitkan PTPTN.
14. Pemenang hendaklah bertanggungjawab ke atas cukai, kadar, kos insurans atau apa-apa caj yang boleh dikenakan terhadap mereka di bawah undang-undang, jika berkenaan.
15. Jika hadiah yang dimenangi tidak dapat diperolehi atas apa jua sebab, PTPTN berhak menggantikan hadiah tersebut dengan hadiah yang lain yang sama nilai dengan hadiah yang dimenangi dengan memberikan notis kepada pemenang yang layak sekurang-kurangnya empat belas (14) hari. Kaedah pemberitahuan ini boleh dilakukan secara bertulis, melalui laman web rasmi PTPTN, media elektronik atau dipaparkan di cawangan-cawangan PTPTN.
16. Pemenang hendaklah bertanggungjawab ke atas apa-apa caj yang boleh dikenakan terhadap mereka di bawah undang-undang, jika berkenaan.
17. Pemenang perlu menanggung semua kos tuntutan hadiah dan kehadiran ke majlis penyampaian hadiah, jika berkenaan.
18. Hadiah perlu dituntut oleh pemenang dalam tempoh **DUA BELAS (12) BULAN** dari tarikh cabutan. Pihak PTPTN tidak akan melayan sebarang tuntutan selepas tamat tempoh tersebut.
19. Sekiranya pemenang telah meninggal dunia, waris yang sah boleh menuntut hadiah dalam tempoh **DUA BELAS (12) BULAN** dari tarikh cabutan.

20. Pemenang atau warisnya adalah dianggap telah melepaskan hak mereka jika gagal menuntut hadiah dalam tempoh yang ditetapkan.
21. Keputusan pemenang yang diumumkan oleh PTPTN adalah muktamad. Sebarang surat-menyurat, pertanyaan, rayuan, bantahan atau apa-apa cubaan untuk mempertikaikan keputusan adalah tidak akan dilayan bagi mana-mana situasi.

PERUNTUKAN UMUM

22. Untuk mengambil bahagian di dalam kempen ini, pelanggan mestilah termasuk di dalam kriteria kelayakan dan memenuhi mekanisma kempen. Melainkan dinyatakan sebaliknya oleh pihak PTPTN, pelanggan tidak perlu menandatangani atau melengkapkan apa-apa borang permohonan untuk mengambil bahagian di dalam kempen.
23. PTPTN berhak meminda, membatalkan atau menambah mana-mana terma dan syarat di dalam kempen ini sama ada secara keseluruhan dengan memberi notis awal melalui laman web rasmi PTPTN, media massa, paparan notis di cawangan-cawangan PTPTN atau apa-apa cara yang difikirkan sesuai sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kalendar. Pindaan, pembatalan atau penambahan tersebut adalah dianggap mengatasi pernyataan seperti mana yang terkandung di dalam bahan promosi pengiklanan yang berkaitan dengannya.
24. Pelanggan adalah dinasihatkan untuk melayari laman sesawang PTPTN dari semasa ke semasa untuk menyemak terma-terma dan syarat-syarat serta mengambil maklum atas sebarang perubahan atau pindaan kepada terma-terma dan syarat-syarat ini.
25. PTPTN berhak untuk meminda, membatalkan, menamatkan atau menggantungkan kempen ini dengan memberi notis yang secukupnya dalam tempoh empat belas (14) hari sebelum tarikh pindaan, pembatalan, penamatan atau penggantungkan tersebut. Kaedah pemberitahuan boleh dilakukan secara bertulis, melalui laman web rasmi PTPTN, media elektronik, atau paparan notis di cawangan-cawangan PTPTN. Untuk mengelakkan keraguan, sebarang pindaan, pembatalan, penamatan atau penggantungkan kempen ini oleh PTPTN tidak akan memberi hak kepada mana-mana pelanggan yang menyertai kempen ini untuk membuat apa-apa tuntutan atau pampasan terhadap PTPTN ke atas apa-apa dan/ atau keseluruhan kehilangan, kos, perbelanjaan atau kerosakan yang ditanggung atau dialami oleh pelanggan sebagai kesan langsung atau tidak langsung daripada pindaan, pembatalan, penamatan atau penggantungkan tersebut.
26. PTPTN tidak bertanggungjawab ke atas penghantaran penyertaan yang lewat, hilang, tidak lengkap, tidak diserahkan, ditangguhkan, rosak atau salah arah sama ada disebabkan kesilapan, peninggalan, pengubahan, gangguan, penghapusan, kecurian, pemusnahan atau sebaliknya.

27. PTPTN berhak membatalkan sebarang penyertaan tanpa sebarang notis, sekiranya didapati pelanggan tidak layak dan tidak mengikut terma dan syarat yang telah ditetapkan.
28. Jika pelanggan didapati tidak memenuhi syarat-syarat untuk mengambil bahagian dalam kempen ini atau menebus hadiah yang diberikan, PTPTN berhak untuk membatalkan atau mengambil semula hadiah dan menganugerahkan hadiah yang sama kepada pelanggan yang lain sebagaimana yang ditentukan oleh PTPTN.
29. Penyertaan pelanggan di dalam kempen ini adalah atas risiko pelanggan sendiri. PTPTN tidak akan bertanggungjawab di atas sebarang kecederaan, kehilangan, kerosakan atau tuntutan akibat penyertaan tersebut.
30. Segala terma dan syarat yang terdapat di dalam dokumen ini dan juga sebarang keputusan yang dibuat oleh PTPTN berhubung kempen ini adalah muktamad dan konklusif. PTPTN tidak akan melayan sebarang rayuan atau pertikaian melibatkan keputusan yang telah dibuat.
31. Sekiranya terdapat percanggahan terma dan syarat kempen ini di dalam bahan pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan-bahan lain berkaitan dengan kempen ini, maka terma dan syarat di dalam laman web rasmi PTPTN adalah yang muktamad. Sebarang perkara mengenai kempen yang tidak dinyatakan di dalam terma dan syarat adalah bergantung kepada budi bicara mutlak pihak PTPTN.
32. PTPTN boleh menggunakan penyertaan pelanggan termasuk tanpa terhad kepada gambar, lukisan, teks, dan kandungan atau maklumat lain yang dikemukakan untuk tujuan promosi (secara kolektif dinamakan "Bahan"), dan nama pelanggan, dan/ atau persamaannya, untuk tujuan pengiklanan, publisiti dan promosi mana-mana barangan atau perkhidmatan PTPTN, untuk tempoh tidak terhad di seluruh dunia tanpa pampasan, dan dalam mana-mana media. Pelanggan hendaklah melakukan segala perkara yang perlu untuk tujuan ini jika diminta oleh PTPTN.
33. Segala surat-menyurat yang dihantar ke alamat terakhir mengikut rekod PTPTN adalah dianggap telah diserahkan kepada pelanggan.

*Nota: Anda dinasihatkan untuk membaca dan memahami Terma & Syarat penuh
Kempen myPTPTN, Pay 2Win!*

Maklumat dikemaskini pada 29 Mei 2023